

PM tidak boleh bersara secara terburu-buru

BH - 4 MAY 2002

Oleh Ramli Ibrahim

GUA MUSANG, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu meneruskan khidmatnya memimpin Umno dan membangunkan negara demi kemajuan serta masa depan rakyat.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata pilihan Dr Mahathir untuk bersara adalah haknya tetapi sebagai Perdana Menteri, be-

liu tidak boleh membuat keputusan berkenaan secara terburu-buru.

Beliau yang pernah menentang Dr Mahathir merebut jawatan Presiden Umno pada 1986 sehingga membawa perpecahan dan Umno diharamkan selepas itu, berkata anggapan kononnya Dr Mahathir akan menjadi Perdana Menteri seumur hidup juga tidak perlu dibangkitkan kerana yang lebih utama ialah khidmatnya

boleh membawa kesejahteraan rakyat pelbagai kaum.

"Semua orang perlu berhenti (bersara) satu hari nanti, tetapi itu adalah pilihan mereka dan bagi saya khidmat Dr Mahathir masih diperlukan," katanya kepada pemberita di Balai Rakyat Bukit Chekati, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang menyatakan be-

liu tidak berhasrat menjadi Perdana Menteri seumur hidup.

Dalam perkembangan lain, Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang meminta pemimpin Umno bahagian di negeri ini memperbaiki kelemahan bagi mengukuhkan kedudukan, selaras perubahan pucuk pimpinan Badan Perhubungan Umno negeri.

Ia perlu bagi memastikan urusan parti berjalan

lancar dalam laluan merampas kembali pemerintahan kerajaan Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

"Perubahan itu baik bagi memantapkan perjuangan parti dan membawa perubahan mengikut keperluan pucuk pimpinan.

"Bagaimanapun, langkah itu mungkin tidak mencapai kemantapan seperti diharapkan jika ada pihak peringat bahagian

terus menimbulkan suasana kurang menyenangkan," katanya.

Baru-baru ini, Pengerusi Radan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamkd, mengumumkan pelantikan baru tiga jawatan tertinggi Badan Perhubungan Umno negeri.

Mereka yang dilantik ialah Ketua Umno bahagian Kubang Kerian, Tuan Hashim Tuan Yaacob sebagai Setiausaha; Penolong Se-

tiausaha Kerja, Nik Mahyiddin Nik Mustapa sebagai Setiausaha Kerja dan Ketua Umno bahagian Machang, Datuk Ismail Mamat, Ketua Penerangan Umno negeri, berkuat kuasa 1 Mei lalu.